

SOALAN NO. : 22

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2017 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengikut jawapan yang diberikan pada sesi Parlimen 2013, Fasa 2 Kajian Pengurusan Air Ribut dan Pelan Induk Sistem Saliran Bandaraya Kuching dan Kota Samarahan yang meliputi kawasan Batu Kitang, Jalan Kuching-Serian, Sungai Kuap dan Kota Samarahan dianggar akan dilaksanakan dalam tahun 2016 hingga 2017. Nyatakan secara terperinci status pelaksanaan projek tersebut mengikut jadual mahupun pelan-pelan yang sedia ada.

33

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pengurusan Air Ribut dan Pelan Induk Sistem Saliran Bandaraya Kuching dan Kota Samarahan yang meliputi kawasan Batu Kitang, Jalan Kuching-Serian, Sungai Kuap dan Kota Samarahan, 2 projek telah dilulus untuk dilaksanakan dalam RMKe11 (2016-2010) iaitu:

1. Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Sarawak (siling kos projek RM150 juta)

Pada masa kini, proses tender sedang dilaksanakan dan akan diikuti dengan kerja-kerja rekabentuk sebelum kerja-kerja di tapak bermula, dijangka bermula November 2018.

2. Rancangan tebatan banjir Sungai Stakan (siling kos projek RM10juta)

Projek ini masih di peringkat proses pelantikan perunding untuk reka bentuk terperinci dan penyediaan dokumen tender yang dijangka dikeluarkan pada hujung 2018. Kerja pembinaan di tapak di jangka bermula April 2019 dan dijangka siap pada akhir tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN
BAKRI [KUDAT]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2017
(SELASA)**

SOALAN : 23

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah kerja-kerja bina baru loji air Pitas 2 dapat dimulakan memandangkan daerah ini menghadapi krisis bekalan air bersih yang serius kerana loji air yang sedia ada kerap kali mengalami kerosakan yang menyebabkan gangguan bekalan air kepada penduduk setempat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Loji Rawatan Air ke-2 Pitas, Sabah telah diluluskan di bawah *Rolling Plan 1* (RP1), RMKe-11 yang dianggarkan bernilai RM 52 juta. Status terkini pelaksanaan projek adalah di peringkat akhir rekabentuk terperinci dan di dalam proses penyediaan dokumen tender. Projek dijangka tender pada bulan November 2017. Pihak perunding juga dalam masa yang sama sedang melaksanakan proses pengambilan balik tanah yang telah dikenal pasti untuk projek ini. Kerja-kerja bina baru loji dijangka dapat dimulakan pada awal Januari 2018.